

KITAB MUKHTASAR AL-TARGHIB WA TARHIB IBNU HAJAR AL-ASQALANI: TEKNIK PENASIHATAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN KELUARGA, JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Noor Mumtazah binti Hashimⁱ, Junainah Hanim binti Mohamed Nor

ⁱ Pensyarah, Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah. Emel: mumtazah@usas.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah. Emel: junainah@usas.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membina garis panduan ringkas penasihat melalui Kitab *Mukhtasar Al-Targhib Wa Tarhib* oleh karangan Ibnu Hajar Al-Asqalani merupakan kitab hadith tersohor di mata ulama hadith. Selanjutnya dalam kajian ini juga akan mengupas bagaimana teknik penasihat yang telah digunapakai oleh pegawai Khidmat Nasihat dalam pengendalian masalah yang melibatkan krisis rumah tangga bagi setiap aduan yang telah didaftarkan melalui Unit Runding Cara, Bahagian Pembangunan Keluarga, Jabatan Agama Islam Perak. Data diperolehi melalui sesi temu bual bersama 27 orang pegawai Khidmat Nasihat di Pejabat Agama Daerah Negeri Perak. Pendekatan kajian ini akan lebih memberi idea dan pandangan secara ilmiah melalui kitab *Mukhtasar Al-Targhib Wa Tarhib* oleh karangan Ibnu Hajar Al-Asqalani. Secara tidak langsung melalui garis panduan ini menjadi pedoman kepada klien yang terlibat agar boleh membendung kenaikan kadar peratusan penceraian setiap tahun.

Kata-kata kunci: krisis rumah tangga, penasihat, hadis, terma nasihat, garis panduan

PENGENALAN

Manusia adalah makhluk Allah SWT yang sukar untuk hidup tanpa teman, memerlukan individu lain untuk mencapai nikmat kebahagiaan. Ini sesuai dengan kehendak perkahwinan yang memerlukan dua insan yang berlainan jantina untuk mencapai kesejahteraan dan keharmonian dalam rumah tangga. Malah hak perkahwinan adalah fitrah daripada Allah SWT terhadap manusia apabila tamadun manusia dimulakan dengan Nabi Adam a.s bersama pasangannya Siti Hawa. Hubungan ini diwarnai dengan cinta, kasih sayang dan ketakwaan sesuai dengan firmanNya:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ
يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

Maksudnya : Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri,

supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir. (al-Rum 30:21)

Namun begitu, hidup berumah tangga pasti ada pasang surutnya, tiada selamanya tenang dan tidak sepanjang masa bergelora. Setiap konflik perlu ditangani dengan bijaksana agar tidak berlarutan ke proses yang tidak diingini iaitu penceraian (Mohd Fadli, 2023).

Rentetan daripada data penceraian pada tahun 2022 adalah 62,890 kes berbanding 43,936 kes pada tahun 2021. Tiga negeri iaitu Kedah, Sabah dan Perlis telah mencatatkan peratusan tertinggi bagi bilangan penceraian orang Islam iaitu Kedah naik 113.6 peratus, Sabah (94.5%) dan Perlis meningkat ke 83.5% (Tuan Buqhairah, 2023). Ini merupakan jumlah peratusan yang amat membimbangkan.

Peranan Unit Runding Cara adalah tempat yang tepat untuk merujuk dan menyelesaikan pelbagai masalah serta konflik dalam rumah tangga (Nur Zulfah, 2020). Begitu juga fungsi Khidmat Nasihat di Unit Runding Cara, Bahagian Pembangunan Keluarga, Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) iaitu menguruskan aduan dan memberi khidmat nasihat kekeluargaan.

Sehubungan dengan itu, objektif yang akan dibentuk melalui kajian ini adalah mengenalpasti kaedah penasihat yang digunakan oleh Pegawai Khidmat Nasihat di Unit Runding Cara, Bahagian Pembangunan Keluarga Jabatan Agama Islam Perak dan membina garis panduan kaedah penasihat melalui Kitab Mukhtasar Al-Tarhib Wa Tarhib karangan Ibnu Hajar Al-Asqalani.

PERANAN UNIT PERKHIDMATAN KHIDMAT NASIHAT JAIN

Peranan terbesar perunding cara dan khidmat nasihat ialah membantu krisis yang dihadapi oleh pasangan serta mencuba meneroka idea baharu bagi membuat pilihan peralihan kehidupan keluarga ke arah kesejahteraan, aman dan hormani (Norhayati Ahmad, 2008) di samping mengenalpasti faktor krisis suami isteri sekaligus mencari jalan perdamaian agar dapat menghindarkan penceraian yang berkemungkinan besar membawa permusuhan kekeluargaan (Haliza A. Shukor, 2012). Secara tidak langsung, runding cara atau khidmat nasihat merupakan satu perkhidmatan bimbingan dan nasihat melalui perbincangan bersama bagi penyelesaian terhadap krisis rumah tangga (Mohamad Pairuz, 2020).

Terdapat beberapa fungsi khusus runding cara dalam pelaksanaan runding cara keluarga dan pembangunan keluarga. Di antara fungsi-fungsi tersebut ialah memberi perkhidmatan dan membantu menyelesaikan runding cara dan nasihat dalam menyelesaikan masalah kekeluargaan, mengadakan sesi runding cara dan bimbingan terhadap pengaduan kes bagi aduan rasmi dan aduan secara hotline, menyediakan laporan kes runding cara untuk dikemukakan kepada Mahkamah Syariah, menjadi urusetia kepada program dan aktiviti yang dijalankan oleh Unit Runding Cara atau Khidmat Nasihat, mengendalikan Jawatankuasa Pendamai yang dilantik oleh Mahkamah Syariah, merancang dan menyelaras perkhidmatan Pusat Pembangunan Keluarga Islam berdasarkan modul-modul yang ditetapkan serta bertanggungjawab terhadap Pusat-Pusat Kursus Pra-Perkahwinan yang

dilantik. Sehubungan dengan itu, Unit Runding Cara menganjurkan tiga perkhidmatan runding cara atau khidmat nasihat aiaturunding cara semasa atau walk in, runding cara melalui telefon dan runding cara secara temu janji. Rentetan daripada itu, kesemua perkhidmatan ini adalah untuk memberi maklumat serta membantu menyelesaikan isu masalah yang berlaku dalam rumah tangga (Mohamad Pairuz, 2020).

Sehubungan dengan itu, seawal tahun 1979 penubuhan Unit Runding Cara adalah untuk memenuhi keperluan masyarakat agar terus bahagia dan harmoni dalam rumah tangga. Namun begitu perlu diperkasakan lagi perkhidmatan ini agar lebih terarah dan sistematik.

Oleh yang demikian, pelaksanaan Unit Perkhidmatan Khidmat Nasihat ini merupakan perkara asas dalam mewujudkan keharmonian rumah tangga. Pelbagai usaha telah dijalankan demi memperkasakan unit ini, namun begitu parameter syarak khas untuk pegawai mempraktikkan teknik penasihat terhadap klien tiada lagi. Sehubungan dengan itu, kajian ini ingin melengkapkan sebuah model garis panduan dan parameter untuk kegunaan pegawai runding cara atau pegawai khidmat nasihat dalam menasihati klien yang bermasalah.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini berasaskan penyelidikan kualitatif. Data-data dipungut melalui dua kaedah. Pertama, kaedah temu bual bersama 27 pegawai Khidmat Nasihat, Unit Runding Cara, Jabatan Agama Islam Perak untuk mengetahui kaedah yang dilakukan ketika mengendalikan klien yang datang mengadu ke Unit Runding Cara, Jabatan Agama Islam Perak. Kedua, data yang diperolehi melalui pembacaan yang mendalam terhadap kitab Al-Tarhib Wa Tarhib oleh karangan Ibnu Hajar Al-Asqalani mengenai hadith-hadith yang berbetuk nasihat yang boleh digunapakai untuk dijadikan garis panduan ringkas mengenai panduan penasihat yang lebih sistematik berasaskan nas utama seperti hadith Rasulullah s.a.w. Di antara hadith-hadith nasihat yang menjadi pilihan adalah :-

حَدَّثَنَا إِسْحَاقُ بْنُ مَنْصُورٍ. حَدَّثَنَا حَبَّانُ بْنُ هِلَالٍ. حَدَّثَنَا أَبَانُ. حَدَّثَنَا يَحْيَى أَنْ زَيْدًا حَدَّثَهُ أَنَّ أَبَا سَلَامٍ حَدَّثَهُ عَنْ أَبِي مَالِكٍ الْأَشْعَرِيِّ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: الطُّهُورُ شَطْرُ الْإِيمَانِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ تَمْلَأُ الْمِيزَانَ. وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ تَمْلَأَانِ أَوْ تَمَلَأُ مَا بَيْنَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ. وَالصَّلَاةُ نُورٌ، وَالصَّدَقَةُ بُرْهَانٌ، وَالصَّبْرُ ضِيَاءٌ، وَالْقُرْآنُ حُجَّةٌ لَكَ أَوْ عَلَيْكَ، كُلُّ النَّاسِ يَغْدُو، فَبَايَعُ نَفْسَهُ. فَمُعْتِقُهَا أَوْ مَوْبِقُهَا. (رواه أحمد و مسلم و الترمذی)

Maknanya : Ishaq bin Manshur menceritakan kepada kami, Habban bin Hilal menceritakan kepada kami, Aban menceritakan kepada kami, Yahya bahwa Zaid menceritakan kepadanya bahwa Abu Sallam menceritakan kepadanya [sebuah riwayat] dari Abu Malik Al Asy'ari, dia berkata: Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam telah bersabda, "Bersuci itu merupakan separuh keimanan. (Lafazh) Alhamdulillah (puji bagi Allah) bisa memenuhi timbangan. (Lafazh) Subhanallaah walhamdulillah (Maha Suci Allah dan segala puji bagi Allah) bisa memenuhi ruang antara langit dan bumi. Shalat itu adalah cahaya, sedekah itu adalah bukti, sabar itu adalah pancaran, dan Al Qur'an itu adalah hujjah yang bermanfaat bagimu atau [malah akan] mencelakakanmu. Setiap manusia berjalan dengan [kemauannya] sendiri.

Maka ada orang yang menjual jiwanya sehingga dia membuat jiwanya terbebas atau malah membuatnya binasa.(Riwayat Imam Ahmad, Imam Muslim dan Imam Tirmizi)

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ، أَخْبَرَنَا مَالِكٌ، عَنْ ابْنِ شِهَابٍ، عَنْ عَطَاءِ بْنِ يَزِيدَ اللَّيْثِيِّ، عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ : إِنَّ نَاسًا مِنَ الْأَنْصَارِ سَأَلُوا رَسُولَ اللَّهِ ﷺ فَأَعْطَاهُمْ ثُمَّ سَأَلُوهُ فَأَعْطَاهُمْ ثُمَّ سَأَلُوهُ فَأَعْطَاهُمْ حَتَّى نَفِدَ مَا عِنْدَهُ فَقَالَ: مَا يَكُونُ عِنْدِي مِنْ خَيْرٍ فَلَنْ أَدْخِرَهُ عَنْكُمْ، وَمَنْ يَسْتَغْفِرْ يُعَفِّهِ اللَّهُ، وَمَنْ يَسْتَغْنِ يُغْنِهِ اللَّهُ، وَمَنْ يَتَصَبَّرْ يُصَيِّرْهُ اللَّهُ، وَمَا أُعْطِيَ أَحَدٌ عَطَاءً خَيْرًا وَأَوْسَعَ مِنَ الصَّبْرِ. (رواه بخاري و المسلم)

Maknanya : 'Abdullah bin Yusuf meriwayatkan kepada kami, Malik mengabarkan kepada kami dari Ibnu Syihab, dari 'Atha' bin Yazid al- Laitsi, dari Abu Sa'id al-Khudri bahwasanya beberapa orang kaum Anshar meminta-minta kepada Rasulullah, lalu beliau memberi mereka. Kemudian mereka meminta-minta (kembali) kepada beliau, lalu beliau memberi mereka. Kemudian mereka meminta-minta (kembali) kepada beliau, lalu beliau memberi mereka, hingga tidak tersisa apa yang ada di sisi beliau. Lantas beliau bersabda: "Kebaikan apa pun yang ada di sisiku, maka aku tidak akan menyimpannya (menahannya) dari kalian. Barang siapa menjaga dirinya, niscaya Allah akan menjaganya. Barang siapa merasa cukup, niscaya Allah akan mencukupkannya. Barang siapa berusaha untuk sabar, niscaya Allah akan memberinya kesabaran. Dan tidaklah seseorang diberi sesuatu yang lebih baik dan lebih luas daripada kesabaran."(Riwayat Imam Bukhari dan Imam Muslim)

عن أنس بن مالك رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: (ثلاث من كن فيه وجد بحن حلالة الإيمان: من كان الله ورسوله أحب إليه مما سواه، ومن أحب عبداً لا يحبه إلا الله، ومن يكره أن يعود في الكفر بعد أن أنقذه الله منه كما يكره أن يقذف في النار)، متفق عليه

Dari Anas bin Malik, dari Nabi shallallahu alaihi wasallam, beliau bersabda, "Ada tiga hal, barangsiapa yang ketiga hal itu ada dalam dirinya, maka dia akan merasakan manisnya iman; barangsiapa Allah dan Rasul-Nya lebih dia cintai daripada yang lain, dan mencintai seseorang hanya karena Allah, dan tidak suka untuk kembali kepada kekufuran setelah Allah menyelamatkannya darinya sebagaimana ketika dia tidak menyukai untuk dilemparkan ke dalam neraka."(Riwayat Muttafiquun 'Alaih)

وَعَنْ مُعَاوِيَةَ بْنِ حَبْدَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، مَا حَقُّ زَوْجَةٍ أَحَدِنَا عَلَيْهِ؟ قَالَ: أَنْ تَطْعَمَهَا إِذَا طَعِمْتَ، وَتَكْسُوَهَا إِذَا كَتَسَيْتَ، وَلَا تَضْرِبَ الْوَجْهَ، وَلَا تُقَبِّحَ وَلَا تَهْجُرُ إِلَّا فِي الْبَيْتِ. (رواه أبي داود)

Dari Mu'awiyah bin Haidah RA, ia berkata, Aku berkata, "Wahai Rasulullah, apakah hak istri kepada setiap orang dari kami?" beliau menjawab, "Engkau memberinya makan apabila kau makan, memberinya pakaian apabila kau berpakaian, janganlah memukul wajah, janganlah mencelanya, dan janganlah kau mendiamkannya kecuali di dalam rumah"(Riwayat Abi Daud)

Kitab Hadith Mukhtasar Al-Tarhib Wa Tarhib

Pengarang asal Kitab Hadith Al-Tarhib Wa Tarhib ialah Al-Hafizh Al-Mutqin Abu Muhammad Abdul Azhim bin Abdul Qawi Al-Mundziri Asy-Syami merupakan seorang imam al-Muhaddith. Beliau turut mengarang Syarah Kita At-Tanbih, menyusun Mukhtasar Sunan Abi Daud dan Hawasyi, meringkaskan kitab Shahih Muslim serta mentakhrijkan sendiri Kitab Mu'jam al-Kabir. Lahir pada tahun 571 H di sebuah daerah di Mesir serta wafat pada bulan Ramadhan tahun 592 H. Manakala Kitab Hadith Mukhtasar Al-Tarhib Wa Tarhib iaitu merupakan kitab hadith yang menjadi topik perbincangan dalam artikel ini adalah adalah imam *Al Allamah Al Hafizh Abu Al Fadhl Syihabuddin Ahmad bin Ali bin Muhammad Al Asqalani Al Mishri Asy-Syafi'i*. Dilahirkan di Mesir 23 Sya'ban 773 H. Beliau telah menghafal Al-Qur'an ketika berusia sembilan tahun, menimba ilmu daripada Sirajuddin Al-Balqini dan As-Siraj Ibnu Al-Mulaqqin serta dilantik sebagai hakim agung di Mesir yang mempunyai kepakaran mempelajari ilmu hadis dan feqh, menunaikan haji beberapa kali, mendengarkan (ceramah) di Al Haramain, negeri-negeri Mesir, Syam dan Yaman, berguru pada Al Hafizh Al Iraqi kurang lebih sepuluh tahun dan menamatkan pendidikannya. Beliau memiliki keistimewaan ketika beliau masih muda, di antara para ulama di zamannya dengan memiliki pengetahuan berbagai disiplin ilmu hadits terutama para perawinya serta yang berhubungan dengan mereka. Disamping itu, beliau memiliki pelbagai penulisan karangannya yang mencapai kurang lebih seratus lima puluh. Beliau wafat pada 27 Dzulhijjah 852 H dan dimakamkan di Al Qarafah Ash-Shughra di Mesir. (Ibnu Hajar Asqalani, diTahqiq Sa'id Bakaddash, 2016)

Muhammad Abdul Mahdi (2004M/ 1425H) salah seorang tenaga pengajar dalam bidang hadis di Universiti al-Azhar menyatakan beliau merupakan guru yang muktabar pada zaman beliau dalam ketekunan beliau mendapatkan ilmu serta mengajar pelbagai ilmu khususnya dalam bidang hadis sehingga beliau mendapat gelaran al-Hafiz kerana ribuan penulisan beliau dengan penulisan beliau serta saringan kitab-kitab hadis yang lain. Dikatakan penulisan beliau yang bercetak dianggarkan sebanyak 150 buah kitab antaranya Kitab *Tahzib al-Tahzib*, Kitab *Fathul Bari* sehingga sekecil-kecil penulisan beliau iaitu kitab *Nuzhatul Nazar*. Fatwa beliau sering digunakan di Universiti al-Azhar, Jami' Amru dan sebagainya.

Ringkasan kitab At-Tarhib wa At-Tarhib

Terdapat pelbagai bentuk hadits-hadits nabawi, di antaranya ada yang berhubungan dengan anjuran kepada manusia untuk melakukan pelbagai amal kebajikan, berakhlak dengan akhlak yang mulia serta memotivasi mereka untuk melakukan perihal tersebut. Selain itu, dapat memperingatkan mereka daripada melakukan berbagai kemaksiatan dan perbuatan yang buruk, serta memperingatkan mereka daripada berperilaku dengan akhlak yang buruk dengan menyebutkan berbagai akibat yang membahayakan mereka.

Para ahli hadis dari kalangan ulama cuba mengupaskan dari segi perhatian mereka terhadap pembukuan hadits-hadits tentang hukum dan hadits-hadits tentang fitnah. Mereka juga memberikan perhatian dari segi yang lain dengan mengkhususkan hadis-hadis anjuran dan peringatan, lalu mereka menghimpun dan menyusunnya dalam perihal itu. Di antara orang yang

paling terawal Menyusun hadis-hadis berkaitan anjuran dan peringatan adalah Al Hafizh Al-Kabir Humaid bin Zanjawaih An-Nasa'i yang dijelaskan di dalam Tadzkirah Adz-Dzahabi wafat pada tahun 251 H. Kemudian Al-Imam Al-Wa'izh Al-Hafizh Abu Hafsh Umar bin Syahin pada tahun 285 H. Selepas itu, karya sebegitu juga disusun oleh Al-Hafizh Abu Musa Al-Madini wafat pada tahun 481 H dan kemudian ulama seterusnya Al-Imam Al-Hafizh Abu Qasim At-Taimi Al Ashfahani penyusun kitab Siyar As-Salaf yang wafat pada tahun 535 H. Beliau dikatakan mencantumkan sebagian hadis-hadis maudhu' (palsu) di dalam kitabnya. Kemudian datang selepas itu Al-Imam Al-Hafizh Abdul Azhim bin Abdul Qawi Al Mundziri mengumpulkan semua kitab-kitab yang sebelumnya dan menyebutkan hadis-hadis yang benar-benar palsu di antara hadis-hadis yang disebutkan oleh Abul Qasim At-Taimi. Kitab Imam Al-Munziri memuatkan apa yang ada dalam kitab-kitab terdahulu, dengan teliti supaya terhindar dari hadis-hadis palsu. Terdapat juga dalam kitab tersebut mengenai sebagian perawi yang tercela dan terpuji. kitab tersebut juga memuatkan sejumlah besar hadis-hadis yang diriwayatkan dengan sanad yang dha'if(lemah). Hadis yang dha'if boleh diterima dalam fadha'il a'mal (keutamaan amal) dan tidak salah dikumpulkan menurut para ulama selagi mana jauh dari tanda dha'if dan bersih dari keraguan.

Pada akhirnya, Syaikh Syihabuddin bin Hajar Al Asqalani rahimahullah, kemudian beliau meringkaskan kitab *Al Mundziri* kira-kira seperempat dari kitab asalnya dan memilih yang paling kuat sanadnya dan paling sahih matannya. Beliau juga membataskan bilangan hadis pada jumlah yang sedikit dari hadits-hadits yang sangat banyak jumlahnya yang membawa maksud yang sama. Beliau menganggap cukup di dalam hadis merangkumi tentang periwayatan para pawi dengan menyebutkan kalimah yang ringkas. Oleh itu, kitabnya ini dapat dijadikan sebagai sandaran tanpa perlu mencari sanad hadisnya dan meneliti matannya kerana kesahihannya serta memudahkan para penuntut ilmu untuk menghafal dan mempelajarinya. (*Ibnu Hajar Asqalani*, diTahqiq Sa'id Bakaddash, 2016)

Ulasan Hadith Pilihan

Sehubungan dengan itu, melalui hadith pilihan yang pertama hadith daripada Ibu Malik al-Asy'ari menerusi perkataan وَالصَّبْرُ ضِيَاءٌ iaitu sabar adalah cahaya. Ibrahim Al Khawwash berkata, "Yang dimaksud sabar adalah berlaku sesuai dengan ajaran Al Qur'an dan Sunah." Ibnu Atha'illah berkata, "Sabar adalah menerima bencana dengan tetap bersikap

baik." Mnakala Al Ustadz Abu Ali Ad-Daqqaq berkata, "Hakikat sabar adalahtidak berpaling dari takdir yang ditetapkan Allah." Pelbagai maksud sabar yang boleh didefinisikan melalui keratan hadis ini iaitu kesabaran dalam menunaikan ketaatan kepada Allah SWT, kesabaran dalam meninggalkan kemungkaran dan kesabaran dalam menempuh segala ujian yang dialami. Sabar juga boleh diertikan menerima segala bentuk ujian tanpa disertai dengan rintihan dan rungutan yang boleh mengurangkan kadar kesabaran yang dialami. (An-Nawawi, 2001,2010).

Seterusnya hadith kedua melalui وَمَنْ يَتَصَبَّرْ يُصِرَّهُ اللَّهُ، وَمَا أُعْطِيَ أَحَدٌ عَطَاءً خَيْرًا وَأَوْسَعَ مِنَ الصَّبْرِ

keratan hadith ini menguatkan hadith yang pertama mengenai sabar. Kesabaran juga boleh menguatkan mental seseorang dalam menempuh segala ujian serta merasa cukup apa yang ada pada dirinya tanpa meminta-minta kepada orang lain. Malah sekiranya kesabaran disertai dengan kesyukuran kepada Allah SWT akan mencapai satu tahap kesempurnaan iman dalam dirinya (Ibnu Hajar, 2009).

Selanjutnya ulasan hadith ketiga ialah mengenai manisnya iman apabila memiliki cinta yang ikhlas kerana Allah SWT. Secara tidak langsung, jiwa seseorang itu akan merasa tenang dan tenteram. Malah yang dimaksudkan cinta itu adalah kemampuan hati untuk menerima apa sahaja yang diredhai oleh Allah SWT (An-Nawawi, 2010) .

Bahkan cinta kepada Allah terbahagi kepada dua hukum, cinta wajib dan cinta sunat. Cinta wajib adalah cinta yang sentiasa mendorong kebaikan iaitu melaksanakan perintah Allah SWT dan menjauhkan segala bentuk tegahan daripada-Nya. Manakala cinta mustahab atau cinta sunat adalah cinta yang mendorong untuk melakukan perkara-perkara sunat dan sentiasa menghindari daripada perkara syubhah (Ibnu Hajar, 2009). Perasaan cinta yang ikhlas akan membuahkan hubungan yang baik antara sesama manusia (Syaidatun, 2014).

Huraian bagi hadith keempat yang melibatkan pergaulan baik bersama isteri sama ada secara zahir dan batin. Nafkah zahir yang dihuraikan dalam hadith melibatkan nafkah makan, minum dan tempat tinggal. Manakala nafkah batin adalah seperti dalam hadith, tidak memukul isteri di wajahnya, tidak menghina dan mencelanya dan tidak berpisah tempat tidur melainkan di dalam rumah sahaja (Abdullah, 2008).

Manakala dalam Tafsir Ibnu Kathir(2008) menyatakan sebagaimana hadis dalam Sahih Muslim dari Jabir, bahwa Nabi dalam haji Wada' bersabda:

((وَاتَّقُوا اللَّهَ فِي النِّسَاءِ، فَإِنَّهُنَّ عِنْدَكُمْ عَوَانٌ، وَلَكُمْ عَلَيْهِنَّ أَنْ لَا يُؤْطِقْنَ))

((فُرْشَكُمْ أَحَدًا تَكَرُّهُنَّ، فَإِنْ فَعَلْنَ فَاضْرِبُوهُنَّ ضَرْبًا غَيْرَ مُبْرَحٍ، وَلَهُنَّ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ)) (رواه المسلم)

"Bertakwalah kepada Allah tentang wanita, sesungguhnya mereka adalah pendamping kalian, kalian mempunyai hak terhadap mereka. Iaitu, mereka tidak boleh membiarkan seorangpun yang kalian benci menghampiri hamparan kalian (masuk ke rumah kalian). Jika mereka melakukannya, pukullah mereka dengan pukulan yang tidak melukai dan mereka memiliki hak untuk mendapatkan rizki dan pakaian dengan cara yang ma'ruf." (Riwayat Imam Muslim)

Ibnu Abbas dan ulama-ulama lain berkata: "Iaitu pukulan yang tidak melukai." Al-Hasan al-Bashri berkata: "Iaitu, (pukulan yang) tidak meninggalkan bekas." Para fuqaha berkata: "Iaitu tidak melukai badan dan tidak meninggalkan bekas sedikitpun." 'Ali bin Abi Thalhaf

mengatakan dari Ibnu Abbas: "Iaitu, memisahkannya dari tempat tidur. Sekiranya isteri tidak patuh kepada suami maka, perlu dilaksanakan ta'dib zaujat terhadap isteri tersebut iaitu menasihati dengan baik, memukul dengan tidak meninggalkan bekas dan akhir sekali memisahkan tempat tidur.(Abdullah, b. M. ,2008)

PERBINCANGAN DAN HASIL KAJIAN

Dalam topik ini membincangkan demografi pegawai Khidmat Nasihat yang terlibat dalam kajian ini. Di samping turut mengulas kaedah yang telah dipraktikkan oleh kesemua pegawai berkenaan dan disenaraikan tema-tema yang ditemui hasil penerokaan data mentah melalui empat hadith nasihat yang dipilih secara rawak. Terakhir dalam topik ini menyediakan garis panduan atau parameter penetapan kaedah penasihat Pegawai Khidmat Nasihat melalui gabungan jalinan antara hadith nasihat dan kaedah yang telah digunakan oleh pegawai-pegawai ini.

Jadual 1 Demografi Pegawai Khidmat Nasihat

Informan (Pegawai)	Jantina	Umur	Pendidikan Tertinggi	Pejabat Agama Daerah	Pengalaman Dalam Perkhidmatan (Tahun)
In1	Lelaki	46	Diploma	Ibu Pejabat (Unit Runding Cara, Bahagian Pembangunan Keluarga, JAIPk)	6
In2	Perempuan	47	Ijazah Sarjana	Ibu Pejabat (Unit Runding Cara, Bahagian Pembangunan Keluarga, JAIPk)	10
In4	Perempuan	53	SPM	Ibu Pejabat (Unit Runding Cara, Bahagian Pembangunan Keluarga, JAIPk)	15
In6	Lelaki	34	Diploma	Kuala Kangsar	2
In7	Perempuan	32	SPM	Selama	3
In8	Perempuan	35	SPM	Tapah	2
In9	Lelaki	34	Ijazah	Parit Buntar	3
In10	Lelaki	38	Ijazah	Kampar	3
In11	Lelaki	58	STPM	Kuala Kangsar	4
In12	Lelaki	53	SPM	Kampung Gajah	7
In13	Lelaki	30	Ijazah	Taiping	1
In14	Lelaki	54	SPM	Batang Padang, Tapah	5
In15	Lelaki	34	Ijazah	Mualim	3
In16	Lelaki	30	STAM	Pengkalan Hulu	4

In17	Perempuan	38	SPM	Bagan Serai	2
In18	Lelaki	39	SPM	Bagan Serai	1
In19	Lelaki	53	Ijazah	Grik	5
In20	Lelaki	40	Ijazah	Manjung	1
In21	Lelaki	35	Ijazah	Seri Iskandar	9
In22	Lelaki	35	SPM	Pengkalan Hulu	1
In23	Lelaki	37	Diploma	Teluk Intan	13
In24	Perempuan	39	SPM	Taiping	3
In25	Lelaki	51	Ijazah	Taiping	3
In26	Perempuan	45	Diploma	Batu Gajah	2
In27	Perempuan	35	SPM	Kuala Kangsar	1
In28	Lelaki	36	SPM	Kampung Gajah	1
In29	Lelaki	36	STAM	Bagan Datoh	6

Berdasarkan Jadual 1. diatas menunjukkan demografi Pegawai Khidmat Nasihat, Jabatan Agama Islam Perak. Pegawai Khidmat Nasihat yang melibatkan 17 Pejabat Agama Islam Daerah Perak iaitu 3 orang daripada Pejabat Agama Islam Daerah Kuala Kangsar, 2 orang daripada Pejabat Agama Islam Daerah Tapah, 2 orang daripada Pejabat Agama Islam Daerah Kampung Gajah, 2 orang daripada Pejabat Agama Islam Daerah Taiping, 2 orang daripada Pejabat Agama Islam Daerah Pengkalan Hulu dan 2 orang lagi daripada Pejabat Agama Islam Daerah Bagan Serai. Manakala Pejabat Agama Islam Daerah Parit Buntar, Pejabat Agama Islam Daerah Selama, Pejabat Agama Islam Daerah Kampar, Pejabat Agama Islam Daerah Batang Padang, Pejabat Agama Islam Daerah Mualim, Pejabat Agama Islam Daerah Grik, Pejabat Agama Islam Daerah Manjung, Pejabat Agama Islam Daerah Seri Iskandar, Pejabat Agama Islam Daerah Teluk Intan, Pejabat Agama Islam Daerah Batu Gajah dan Pejabat Agama Islam Daerah Bagan Datoh masing-masing seorang wakil pegawai Khidmat Nasihat. Seterusnya terakhir adalah Ibu Pejabat Agama Islam Perak iaitu Unit Runding Cara, Bahagian Pembangunan Keluarga Islam Perak yang diwakili oleh 3 orang pegawai Khidmat Nasihat. Kedudukan gender dikalangan pegawai adalah 8 orang pegawai yang terlibat terdiri daripada wanita manakala selebihnya 19 orang adalah lelaki.

Seterusnya kitaran julat umur antara pegawai yang terlibat dalam sesi temubual adalah di antara 30an hingga 50an tahun. Kedudukan akademik tertinggi dalam senarai pegawai khidmat nasihat adalah seorang daripada Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda diwakili 8 orang pegawai. Ketiga diploma diwakili oleh 3 orang pegawai. STPM dan STAM diwakili oleh 3 orang pegawai. Majoriti pendidikan tertinggi bagi pegawai Khidmat Nasihat Jabatan Agama Islam Perak adalah SPM yang diwakili oleh 10 orang pegawai. Manakala daripada sudut pengalaman pegawai adalah dikalangan yang paling lama berkhidmat dalam dunia penasihat keluarga adalah 15 tahun berada di Ibu Pejabat Unit Runding Cara, Bahagian

Pembangunan Keluarga, Jabatan Agama Islam Perak. Majoriti di kalangan pegawai mempunyai pengalaman 5 tahun ke bawah iaitu diwakili seramai 20 orang pegawai.

Jadual 2 : Kaedah Yang Digunakan Oleh Pegawai Ketika Penasihat

Bil	Kaedah Yang Digunakan Oleh Penasihat	Pegawai Khidmat Nasihat Yang Terlibat
1	Pendengar yang baik	In1, In2, In4, In6, In7, In8, In9, In10, In11, In12, In13, In14, In15, In16, In17, In18, In19, In20, In21, In22, In23, In24, In25, In26, In27, In28, In29
2	Menyarankan kaedah <i>Ta'dib al-Zawjah</i> kepada klien	In1, In2, In6, In7, In8, In9, In10, In11, In12, In13, In14, In16, In18, In19, In20, In21, In22, In24, In26, In27, In28, In29
3	Mempertingkatkan amalan wajib dan sunat dalam amalan harian	In1, In4, In8, In9, In12, In16, In18, In21, In22, In28
4	Sabar dengan kerenah isteri	In6, In8, In11, In13, In15, In24, In27, In29
5	Beri peluang kepada pasangan untuk melakukan perubahan diri	In1, In3, In9, In11, In15, In18
6	Membina hubungan dengan klien	In12, In24, In26
7	Memberi keputusan kepada klien	In13, In26, In27
8	Menenangkan klien	In2, In17
9	Beri pujian kepada klien atas kebaikan yang telah dilakukan	In2
10	Mengimbau saat-saat indah bersama pasangan	In6
11	Perbincangan bersama keluarga	In17
12	Beri semangat kepada klien	In26
13	Terapa al-Quran dan sirah	In26

Kaedah dalam Jadual 2. di atas dikeluarkan melalui sesi tembual bersama pegawai Khidmat Nasihat yang terlibat. Majoriti kaedah yang digunakan oleh pegawai adalah pendengar yang baik. Ini tidak dinafikan kerana fungsi utama seorang pegawai Khidmat Nasihat perlu mendengar dan menghayati penceritaan kisah yang menjadi isu permasalahan dalam rumah tangga klien. Hasil mendengar secara baik membolehkan pegawai menyelesaikan isu masalah keluarga dengan aman dan harmoni. Kaedah kedua, kesemua pegawai yang terliat telah menyarankan agar klien mengendalikan masalah *nusyuz* isteri menggunakan kaedah *Ta'dib al-Zawjah* yang berasaskan surah an-Nisa ayat 34. Seterusnya kaedah ketiga adalah saranan pegawai khidmat nasihat kepada klien agar pertingkatkan amalan wajib dan sunat

untuk amalan ibadah secara harian agar dapat memperkuat emosi dan fizikal ketika menghadapi saat-saat getir dalam hubungan rumah tangga. Seramai 10 orang pegawai menyarankan teknik ini kepada klien mereka.

Kaedah keempat adalah saranan penasihat kepada *klien* ketika berhadapan dengan *nusyuz* isteri disarankan agar sabar dengan kerenah mereka. Ini kerana perlu mengenang juga kesusahan dan pengorbanan isteri yang telah melahirkan anak-anak (Mansor, 2021). 8 orang pegawai iaitu In6, In8, In11, In13, In15, In24, In27, In29 menggunakan kaedah ini bagi menangani *nusyuz* isteri. Seterusnya beri peluang kepada pasangan untuk mengubah sikap dan tingkah laku yang buruk agar jaminan keharmonian dalam keluarga akan berpanjangan. Saranan ini telah dilakukan oleh 6 pegawai In1, In3, In9, In11, In15, In18 yang terlibat di Jabatan Agama Islam Daerah. Kaedah keenam yang melibatkan In12, In24, In26 ialah membina hubungan yang baik dengan klien agar pegawai dapat mengenal pasti masalah yang timbul antara pasangan. Setelah mengenal pasti masalah yang berlaku, pegawai-pegawai ini iaitu In13, In26, In27 akan mengambil peranan untuk membuat cadangan keputusan kepada klien yang terlibat. Ini kerana kebiasaannya kehadiran klien dalam keadaan yang terkejut dan terdesak untuk mencari jalan penyelesaian hubungan perkahwinan. Bersesuaian fungsi sebenar sebagai pegawai khidmat nasihat akan memberi nasihat dan panduan terbaik kepada *klien* yang terlibat (Norhayati Ahmad, 2008). Kaedah kelapan tugas pegawai Khidmat Nasihat yang melibatkan In2, In17 adalah menenangkan keadaan klien yang dalam posisi keliru dan cemas untuk menghadapi isu yang sedang berlaku ke atas dirinya. Ke sembilan adalah In2 memberi kata-kata pujian kepada klien atas perbuatan yang kebaikan yang telah dilakukan. Tindakan ini akan mengubah sikap negatif kepada yang lebih positif dalam jiwa klien (Fathin, 2016). Seterusnya kaedah dan teknik mengimbuu saat-saat manis dan indah bersama pasangan yang dilakukan oleh In6. Teknik ini akan mengendurkan perasaan marah dan sedih terhadap pasangan. Perbincangan bersama keluarga yang dilakukan oleh pegawai In17 ini merupakan kaedah yang terbaik sekiranya keluarga dapat membantu memperbaiki hubungan pasangan yang mempunyai masalah keluarga ini. Selanjutnya teknik yang dilakukan oleh pegawai In26 iaitu memberi semangat kepada klien di sampingkan menggunakan terapi al-Quran dan sirah kepada klien yang terlibat mengikuti sesi penasihat bersama beliau.

Rentetan daripada hasil temubual bersama 27 orang pegawai Khidmat Nasihat Keluarga, JAIPk. Berikut di bawah adalah Jadual 3 merupakan tema-tema yang telah dikeluarkan melalui hadis-hadis nasihat yang dipilih secara rawak. Berpandukan tema-tema tersebut dianalisis bersama dengan temubual bersama pegawai Khidmat Nasihat, Jabatan Agama Islam Perak.

Jadual 3 : Kaedah Penasihatannya Daripada Hadith Nasihat

Bil	Kaedah Penasihatannya Dalam Hadith Nasihat	Kitab Syarah Fathul Bari	Kitab Syarah Sahih Muslim	Pegawai Khidmat Nasihat Yang Terlibat
1	Sabar dengan ujian	√	√	In6, In8, In11, In13, In15, In24, In27, In29

2	Sabar dalam ketaatan	√	√	In1, In2, In4, In6, In7, In8, In9, In10, In11, In12, In13, In14, In15, In16, In17, In18, In19, In20, In21, In22, In23, In24, In25, In26, In27, In28, In29
3	Sabar daripada melakukan kemaksiatan	√	√	In1, In2, In4, In6, In7, In8, In9, In10, In11, In12, In13, In14, In15, In16, In17, In18, In19, In20, In21, In22, In23, In24, In25, In26, In27, In28, In29
4	Kesempurnaan iman adalah melalui kesabaran	√	√	In1, In2, In4, In6, In7, In8, In9, In10, In11, In12, In13, In14, In15, In16, In17, In18, In19, In20, In21, In22, In23, In24, In25, In26, In27, In28, In29
5	Pertingkatkan amalan wajib dan sunat	√	√	In1, In4, In8, In9, In12, In16, In18, In21, In22, In28
6	Kaitan hubungan dengan Allah dan manusia	√	√	In1, In2, In4, In6, In7, In8, In9, In10, In11, In12, In13, In14, In15, In16, In17, In18, In19, In20, In21, In22, In23, In24, In25, In26, In27, In28, In29
7	Membina hubungan yang baik dengan manusia	√	√	In12, In24, In26
8	Pergaulan yang baik bersama pasangan	√	√	In1, In3, In9, In11, In15, In18
9	Tunai tanggungjawab kepada keluarga	√	√	In1, In4, In8, In9, In12, In16, In18, In21, In22, In28
10	Tidak berkasar dengan pasangan secara fizikal dan mental	x	√	In1, In3, In9, In11, In15, In18
11	Layani pasangan dengan baik	√	√	In1, In3, In9, In11, In15, In18

Tema pertama terhasil daripada 4 buah hadith pilihan daripada Kitab *Mukhtasar Al-Targhib Wa Tarhib*. Jadual 3 di atas menunjukkan tema pertama hingga tema keempat yang mempunyai kaitan kesabaran iaitu kesabaran dalam ujian, kesabaran dalam ketaatan, kesabaran daripada melakukan kemaksiatan dan kesempurnaan iman melalui kesabaran. Menerusi tema-tema ini kesemua pegawai menggunakan pendekatan yang sama ketika mengendalikan masalah *klien* iaitu dalam keadaan menenangkan *klien* dalam keadaan keliru dan rasa tidak percaya apa yang sedang berlaku ke atas mereka. Teknik-teknik ini sejajar dengan teknik yang pegawai-pegawai Khidmat nasihat lakukan semasa sesi penasihatn bersama *klien*. Tema yang kelima iaitu pertingkatkan amalan wajib dan sunat. In1, In4, In8, In9, In12, In16, In18, In21, In22 dan In28 telah menggunakan tema atau kaedah ini kepada *klien* untuk memperkuat jiwa dan menyerahkan segala apa yang berlaku kepada Allah SWT.

Tema keenam ialah kaitan hubungan Allah dengan manusia. Hasil analisis mendapati kesemua pegawai mempraktikkan tema ini dengan menghubungkaitkan bahawa baik hubungan dengan Allah, baik juga hubungan sesama manusia. Pendekatan ini sejajar dengan landas syarak yang sangat mengiktiraf konsep ini. Ketujuh, membina hubungan yang baik sesama manusia iaitu antara pegawai iaitu In12, In24, In26 dan klien bagi menyelesaikan apa jua permasalahan yang timbul antara pasangan yang terbabit dalam hal ini. Tema kelapan ialah saranan agar ada hubungan yang baik antara klien dan pasangannya. Tugas utama pegawai Khidmat Nasihat adalah memberi perkhidmatan rundingan dan bimbingan kepada klien (Kalam, 2020). Seterusnya tema menunai tanggungjawab kepada keluarga. Pasangan yang terdiri suami dan isteri pasti mempunyai tanggungjawab yang berbeza bagi menyempurnakan sakinah, mawaddah dan rahman dalam keluarga (Khadijah, 2015). Tema yang kesepuluh adalah tidak berkasar dengan pasangan secara fizikal dan mental, penekanan tema ini melalui kaedah yang disampaikan In1, In3, In9, In11, In15, In18. Secara tidak langsung menerusi tema ini merupakan salah satu kompenan bagi tema yang terakhir iaitu melayan pasangan dengan layanan yang terbaik yang turut dipraktikkan oleh pegawai-pegawai yang sama.

Garis Panduan Ringkas Hasil Gabungan Hadith Nasihat Dan Kaedah Pegawai Khidmat Nasihat

Dalam dunia penasihat untuk mewujudkan seorang pendengar yang baik dalam diri seseorang Pegawai Khidmat Nasihat memerlukan kesabaran yang tinggi. Rangkuman kesabaran tersebut meliputi kesabaran dalam ketaatan sebagai seorang hamba Allah yang telah terikat dengan tugas hakiki sebagai seorang penasihat, kesabaran dalam mengelakkan diri daripada menunaikan kewajipan sebagai seorang penasihat dalam mengendalikan kerenah klien dan kesabaran dalam melakukan kemungkaran seperti tidak menghina klien dan tidak berlaku kasar terhadap klien.

Selanjutnya kesempurnaan iman dapat dipamerkan melalui kesabaran yang tinggi dalam apa jua keadaan dan situasi. Kesabaran ini dapat dilihat melalui tiga konsep kesabaran yang telah dikupas sebelum ini iaitu melibatkan kesabaran dalam ketaatan, kesabaran dalam mengelak diri dalam menunaikan kemungkaran dan kesabaran dalam menempuh ujian hidup. Perkara ini boleh dipraktikkan dalam penasihat bersama klien ketika menenangkan klien yang berkemungkinan besar dalam keadaan bersalah dan keliru dengan apa yang telah berlaku di samping memberi semangat kepada klien untuk teruskan hidup walaupun apa keadaan yang akan berlaku kelak bersama pasangannya.

Garis panduan ketiga, saranan terhadap pertingkatkan amalan wajib dan sunat merupakan salah bentuk cara untuk memperkuat diri dari segi mental dan fizikal ketika klien lemah dalam menghadapi konflik keluarga. Di samping membina hubungan dengan Allah SWT secara tidak langsung dapat memperbaiki hubungan sesama manusia lebih-lebih lagi melibatkan sistem kekeluargaan.

Turut diselitkan saranan perbaiki hubungan suami isteri dengan melakukan pergaulan yang baik bersama pasangan di antaranya lakukan perubahan secara drastik seperti turunkan rasa ego apabila bersama pasangan atau apabila marah nada suara direndahkan. Ini bermaksud setiap tindak balas bersama pasangan wajar difikirkan terlebih dahulu terhadap tindakan selanjutnya.

Seterusnya saranan terhadap pemberian nafkah kepada pasangan. Nafkah yang boleh dikategorikan kepada dua iaitu nafkah zahir dan batin. Nafkah zahir adalah lengkapkan keperluan asas kepada pasangan seperti makanan, minuman dan tempat tinggal. Kedua nafkah batin, sempurnakan keperluan nafkah batin pasangan dengan layanan istimewa seperti dengan tutur kata yang lembut, pujian kepada pasangan, tidak berlaku kasar sama ada secara fizikal dan mental dan cuba mengimbuu saat-saat manis ketika bersama apabila mula kelihatan simptom *nusyuz* di samping menasihati pasangan bahawa setiap riak balas yang negatif pasti ada balasan daripada Allah SWT.

Secara tidak langsung, apabila pegawai menyarankan garis panduan ini dan klien mengikutinya satu-persatu berkemungkinan besar krisis yang dihadapi dapat diselesaikan dengan bijaksana dan harmoni rumah tangga dapat dikekalkan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya saranan-saranan yang bakal dipraktikkan oleh pegawai terhadap *klien* yang mempunyai masalah rumah tangga dapat diselesaikan dengan harmoni. Malah kadar penceraian yang semakin meningkat akan dapat diturunkan sekiranya ada perbincangan daripada hati ke hati untuk memulihkan keadaan institusi kekeluargaan masa kini.

RUJUKAN

Abdullah, b. M. (2008). *Tafsir Ibnu Katsir*. Jakarta: Pustaka Imam Syafie.

Ibid. Jil.5. Hlmn.382 dan 385.

Ahmad Ibn Ali Ibn Hajar Asqalani. Tahqiq Muhammad Fuad Abdul Baqi (1344 H)

Kitab Fathul Bari Bi Syarhil Al-Bukhari. Maktabah al-Salafiyyah-Mesir.

Kitab Zakat. Bab Isti'faf 'An Masalah. Jil.3. Hlmn.336. No.1469.

Ibid. Kitab Iman. Bab Halawatul Iman. Jil1. Hlmn60-62. No.16

An-Nawawi.Tahqiq Ridhuan Jami' Ridhuan. (2001). *Al-Minhaj Syarah Sahih Muslim.*

*Muassasah al-Mukhtar lil Nasyar wa At-Tauzik-Kaherah. Kitab Taharah. Bab Fadlul Wudhu'.*Jil.3.Hlmn.103.No.223/1.

An-Nawawi. (1392H). *Al-Minhaj Syarah Sahih Muslim. Darul Ihya' Al-thurath Al-Arabiyy-*

Beirut. Kitab Iman. Bab Bayan Khisal Man Ittasafa Bihinna Wajada Halawatul Iman. Jil2. Hlmn13-14. No.43.

*Ibid. Kitab Hajj. Bab Hujjatul Nabi SAW.*Jil 8. Hlmn.170-184. No.1218.

- Ahmad Atabik. (2013). Konseling Keluarga Islami. *Jurnal Bimbingan Konseling Islam*, 165-184.
- An-Nawawi. (2010). *Syarah Shahih Muslim*. Jakarta: Pustakaazzam.
- Ibnu Hajar al-Asqalani, Syihabuddin Ahmad Ibn Ali. (2016). *Mukhtasar Targhib wa at-Tarhib*. DiTahqiq Sa'id Bakaddash. Kitab Tarjamah Imam al-Munziri. H.12
- Ibid Kitab Tarjamah Imam Ibnu Hajar al-Asqalani*. H.20
- Muhammad Abdul Mahdi (2004M/ 1425H). *Turuq Takhrij hadis Rasulullah SAW*. Dar al-I'tisam, Kaherah. H.193
- Al-Munziri. (t.t). *Syarah at-Targhib wa at-Tarhib lil Munziri*. DiTahqiq at-Tayyib Ahmad Khatibah Kitab: *Syarah hadis Abi Malik al-Asya'ari RA. Bab: At-Thuhur Syatrul Iman*. J2. <http://www.islamweb.net> (Maktabah Syamilah) H. 19
- Ibid Kitab: al-Istighna' wal al-Istikfa' billah*. J8. H. 19
- Ibid Kitab At-Targhib Fil Hub Fillah SWT Wal Haththul 'Alaih*. J2. H.41
- Ibnu Hajar al-Asqalani, Syihabuddin Ahmad Ibn Ali. (2016). *Mukhtasar Targhib wa at-Tarhib*. DiTahqiq Sa'id Bakaddash. Kitab: *Nikah*. Bab: *Targhib Al-Zauj Fil Wafa' Bihagqi Zaujatihi Wa Huasnu 'Isyratiha Wal Mar'ati Bi Haqqi Zaujiha Wa Tha'atiha Wa Tarhabuha Min Iskhatiha Wa Mukhalafatiha*. No. 807. *Maktabah al-Makkiyyah-Makkah al-Mukarramah*. H. 426
- Azizah Mohd Rapini, N. Z. (2018). Konsep Kajian Amalan Runcing Cara Keluarga Di Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri Di Malaysia : Tinjauan Terhadap Keperluan Modul Khusus. *5th International Research Management & Innovation Conference* (pp. 1-20). Putrajaya: KUIS.
- Fathin, N. A. (2016). Modifikasi Tingkah Laku Murid Menggunakan Time-Out Dan Kata Pujian. *Seminar Modifikasi Tingkah Laku Murid Pendidikan Khas* (pp. 2-6). Johor : JPN Negeri Johor.
- Haliza A. Shukor, H. H. (2012). Krisis Rumah Tangga : Punca-Punca Dan Cara Untuk Mengatasinya Menurut Perspektif Syariah Dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984. *Kajian Syariah dan Undang-Undang*, 68.
- Ibnu Hajar, A.-A. (2009). *Fathul Bari, Shahih Bukhari*. Jakarta: Pustazazzam.

- Kalam, D. M. (2020). Peran Khidmat Dan Nasihat Keluarga Jabatan Agama Islam Kedah Dalam Upaya Menurunkan ANgka Perceraian. *El-Usrah : Jurnal Hukum Keluarga*, 168-182.
- Khadijah, A. N. (2015). Peranan Kesejahteraan Keluarga dan Daya Tahan dalam Pengukuhan Keluarga Sandwich. *Akademika*, 25-32.
- Mansor, b. S. (2021). Kadar Nafkah Suami Kepada Isteri Dan Hubungannya dengan Uruf Menurut Perpektif Shariah : Satu Perbincangan. *International Journal Of Humanities Technology and Civilization*, 29-34.
- Mazita Ahmad, N. M. (2018). Aplikasi Strategi Implisit Elemen Spiritualiti Dan Agama Dalam Kaunseling Keluarga Dan Perkahwinan. *Global Journal Al-Thaqafah*, 109-120.
- Mohamad Pairuz, S. A. (2020). Fungsi Rundingcara Bagi Mengukuhkan Hubungan Pasangan Bermasalah Dalam Perkahwinan. *Al-Hikmah*, 75-90.
- Norhayati Ahmad, N. H. (2008). Peranan, Proses Kerja & Tanggungjawab Kaunselor Di Jabatan Agama Islam Dalam Menangani Masalah Kekeluargaan. *Seminar Kaunseling Keluarga* (pp. 14-22). Skudai: UTM.
- Nur Zulfah, M. A. (2018). Peranan Dan Pelaksanaan Runding Cara Kekeluargaan : Satu Kajian Di Jabatan Agama Islam Negeri Selangor. *4th International Confefrence On Islamiyyat Studies* (pp. 699-709). Bandar Baru Bangi, Selangor: Kolej Univeristi Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Nurul Hanis Sufia Othman, N. J. (2018). Hisbah Dan Kepentingannya Dalam Runding Cara Perkahwinan. *Al-Abqari Journal of Islamic Social and Humanities*, 128-136.
- Suhaya Deraman, S. H. (2017). Persepsi Masyarakat Terhadap Keperluan Perkhidmatan Kaunseling Spiritual. *Islamiyyat* 39, 57-65.
- Syaidatun, N. A. (2014). Pendekatan Dakwah Melalui Konsep Cinta Muslim Dalam Menangani Masalah Sosial Remaja. *al-Hikmah*, 21-34.